

PENYELARASAN FATWA ANTARA NEGERI-NEGERI: ANALISIS AMALAN DAN KAEDAH PENYERAGAMANNYA DI MALAYSIA

FATWA COORDINATION BETWEEN STATES: ANALYSIS OF THE PRACTICES OF STANDARDIZATION AND ITS METHOD IN MALAYSIA

Muhammad Fathullah Al Haq bin Muhamad Asni¹
Jasni bin Sulong²



ABSTRAK

Fatwa adalah biasanya dikaitkan dengan keputusan rasmi berkenaan sesuatu hukum syarak yang dikeluarkan oleh sesuatu jawatankuasa agama yang berasaskan wilayah atau negara yang mempunyai bidangkuasa undang-undang. Oleh kerana itu, sesuatu fatwa khususnya yang diwartakan mempunyai kuasa perundangan yang boleh dikuatkuasakan ke atas orang awam di wilayah terbabit. Bagaimanapun perbezaan wilayah dan bidangkuasa agama menyebabkan berlakunya ketidakseragaman fatwa khususnya dalam menanggapi persoalan yang mendapat perselisihan fuqaha' (khalafiyah). Keadaan ini amat terserlah di Malaysia di mana terdapat 14 Jabatan Mufti Negeri yang berbeza-beza yang mewakili negeri masing-masing. Sebahagian fatwa yang dikeluarkan oleh negeri-negeri ini didapati tidak selari antara satu sama lain dan keadaan ini menimbulkan konflik terutamanya dalam pentadbiran undang-undang. Walaupun setiap negeri mempunyai Enakmen Hal Ehwal Pentadbiran Agama Islam yang hampir seragam, mempunyai peruntukan rujukan hukum

¹ Candidate for Master of Arts (Islamic Studies) at School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia.

² Associate Professor in the Section of Islamic Studies, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia.

syarak (qawl muktamad) yang sama dan pemantauan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dalam sesuatu isu fatwa nasional, namun sebahagian fatwa tersebut masih lagi mendapat perselisihan keputusan. Keadaan ini mewujudkan situasi hukum yang tidak adil, tiada keselarasan dalam melakukan ijtihad, yang menafikan maksud kesaksamaan dalam keputusan hukum syarak dalam negara ini. Justeru berdasarkan hal ini, kajian dijalankan untuk mengenal pasti punca ketidakselarasan fatwa ini, faktor-faktor yang mempengaruhi dan langkah serta cadangan untuk mengatasinya. Metodologi kajian ini bersifat kualitatif di mana data-data dikumpulkan melalui kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian lapangan dilakukan secara metod temubual dengan para mufti, pegawai istinbat dan ahli akademik. Hasil kajian mendapati bahawa Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM) telah melakukan beberapa inisiatif untuk mengatasi hal ini namun sikap sesetengah ahli jawatankuasa fatwa negeri yang ketat (rigid) kepada Mazhab Syafi'i dan penguasaan ilmu dalam menerima perbezaan pandangan (mura'ah al-khilaf) mengekang kepada capaian matlamat ini. Ini kerana Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJFK) telah dipersetujui sebagai medium penyatuan fatwa antara negeri-negeri di negara ini dan sepatutnya diutamakan keputusan hukum di peringkat ini supaya fatwa negeri dapat mengikuti dengan sepenuhnya.

Kata kunci: Fatwa, perbezaan (khilaf), Mufti, kaedah istinbat, Mazhab Syafi'i.

ABSTRACT

Fatwa is usually associated with a formal decision in respect of any Islamic law issued by a committee of religious-based regions or countries that have legal jurisdiction. Therefore, a fatwa gazetted in particular has the power legally enforceable against civilians in the territory. However the difference territory and jurisdiction of religion causing inconsistencies especially pronounced in response to the question of who gets disputes by fuqaha' (khilafiyah). This situation is clearly in Malaysia, where there are 14 State Mufti Department varying representing their respective states. Some fatwas issued by these states are found to be unparalleled to each other and this situation poses a conflict, especially in the administration of law. Although each state has a State Administration of Islamic Affairs which is almost uniform, have a provision referring to Islamic law (qawl final)

and monitoring by the National Fatwa Committee on an issue of national fatwa, but some of the fatwa still in dispute resolution. The situation is the existence of a situation of unjust laws, there is no consistency in doing ijihad, which denies the meaning of equality in the decision of Islamic law in the country. Thus, based on this, the study was conducted to identify the cause of the inconsistency of this fatwa, the factors influencing and measures and proposals to overcome. This is a qualitative research methodology in which data were collected through library research and field studies. Field studies conducted interviews with the mufti method, istinbat officials and senior academics. The study found that the Federal Government through Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM) has undertaken several initiatives to overcome this but the attitude of some members of the committee of states fatwa on the matter, which holds tight (rigid) to the Shafi'i and mastering knowledge in accepting differences of opinion (mura'ah al-khilaf) restrain to reach this goal. This is because the Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJFK) was agreed as the medium of fatwa union between the states in the country and should be given priority at this stage of legal decisions ruling that the state can participate fully.

Keywords: Fatwa, the difference (khilaf), Mufti, istinbat methods, Shafi'i madhhab

PENDAHULUAN

Di Malaysia terdapat dua institusi fatwa yang berpengaruh iaitu pertamanya, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJFK) yang terdiri daripada mufti setiap negeri di Malaysia yang dipengerusikan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Keduanya, Jawatankuasa Fatwa Negeri yang dipengerusikan oleh Mufti setiap negeri yang berjumlah 14 buah melalui tauliah lantikan oleh Ketua Agama Islam Negeri, iaitu Tuanku al-Sultan. Secara dasarnya, fatwa-fatwa yang diputuskan oleh MJFK tidak mengikat mana-mana negeri mahupun anggota jawatankuasanya sendiri kerana tiada bidangkuasa perundangan yang jelas. Berlainan pula dengan fatwa yang diputuskan oleh Jabatan Mufti Negeri-Negeri di mana ia mengikat umat Islam yang berada dalam wilayahnya sekiranya diwartakan. Situasi ini menunjukkan bahawa keputusan fatwa negeri mempunyai kuasa penguatkuasa (*enforcement power*) berbanding keputusan fatwa di peringkat Persekutuan.

Implikasi kuasa fatwa negeri-negeri ini memberi kesan

hukum dan undang-undang, lebih-lebih lagi kewujudan 14 Jabatan Mufti yang berbeza ini boleh menimbulkan konflik penguatkuasaan terutamanya apabila berlaku perbezaan fatwa antara negeri. Sedangkan rujukan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Hukum Syarak dan *qawl muktamad* dalam Mazhab Syafi'i adalah hampir seragam yang diperuntukkan di semua negeri. Oleh itu, kajian ini bermatlamat untuk menyelidik teori dan kaedah yang perlu diikuti dalam proses *istinbat* sesuatu fatwa bagi memastikan berlaku keseragaman fatwa dan memenuhi *masalah* masyarakat awam. Dalam hal ini, maka teori *usul al-fiqh* dan kaedah *mura'ah al-khilaf* akan dikaji khususnya mengenai pemakaiannya dalam kalangan ahli-ahli MJFK dan juga ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri.

Konsep Fatwa dan *Ijtihad* dalam *Usul al-Fiqh*

Ilmu *Usul al-Fiqh* merupakan intipati utama dalam kaedah berfatwa yang menjadi pra-syarat utama bagi kelayakan seseorang mufti. Fatwa adalah satu pandangan atau keputusan sama ada peribadi atau yang dihasilkan oleh sekumpulan mujtahid ke atas sesuatu hukum syarak. Ketepatan sesuatu fatwa amat bergantung kepada kaedah pendalilan yang digunapakai dan keselariannya dengan *maqasid al-syariah*. Menurut Abu al-Hasan al-Basri (al-Jawziyyah, 1973), al-Ghazali (1997), al-Syirazi (1985), al-Amidi (2003), Ibnu Qayyim (1973) dan al-Syaukani (1999), mufti adalah mujtahid iaitu seorang yang mampu melakukan *ijtihad* dan *istinbat* hukum (al-Raisuni, 2014). Justeru, mufti dan mujtahid adalah sama secara umumnya, cuma berbeza dari segi punca berlakunya iaitu fatwa dikeluarkan untuk menjawab persoalan atau sesuatu masalah yang sudah berlaku, sedangkan *ijtihad* tidak terikat dengan syarat tersebut (al-Qasimi, 1406H; al-Asyqar, 2008). Namun pun begitu, pihak mufti boleh juga bertindak secara proaktif dalam menangani sesuatu persoalan dengan mengarahkan penyelidikan hukum yang tertentu walaupun tidak terdapat permohonan fatwa sebagai langkah persediaan (Wan Abd. Rahman Khudzri, 2006). Berdasarkan hal ini, ada sebahagian ulama yang tidak membezakan antara fungsi mufti dan mujtahid kerana masing-masing mampu mengeluarkan hukum sama ada kerana wujudnya pertanyaan atau tidak (al-Syatibi, 1997).

Manakala maksud *ijtihad*, al-Syaukani (1999)

mendefinisikannya sebagai mengerahkan kemampuan (بذل الوسع) untuk mendapatkan hukum syarak yang bersifat menyeluruh dengan mengikut kaedah *istinbat* (pengambilan dalil) yang tepat. Manakala al-Amidi (2003) mendefinisikan *ijtihad* sebagai mencurahkan segala kemampuan (استفراغ الوسع) untuk memahami hukum syarak yang bersifat *zanni*, sehingga merasakan dirinya tidak mampu untuk mencari lebih lagi daripada itu. Berasaskan ini, al-Ghazali menjadikan batasan segala kemampuan (استفراغ الوسع) sebagai bahagian daripada definisi *al-ijtihad al-tam* (*ijtihad* sempurna).³ Justeru, *ijtihad* boleh difahami sebagai usaha seorang mujtahid yang memaksimumkan seluruh upayanya dari segi mental dan intelektual untuk mengkaji serta memahami hukum syarak. Ia adalah usaha yang akhirnya menghasil dapatan atau keputusan daripada *ijtihad* tersebut yang kemudiannya dinamakan fatwa. Justeru, fatwa adalah merupakan hasil kepada *ijtihad*.

Sesuatu fatwa yang diputuskan oleh seseorang mujtahid kadangkala sama dengan pandangan mujtahid yang lain, dan kadangkala berbeza. Ini kerana ia adalah hasil intelektual seseorang mujtahid tanpa dipengaruhi oleh mujtahid yang lain. Oleh kerana itu, *ijtihad* seorang mujtahid tidak boleh dibatalkan oleh mujtahid yang lain.

Merai Perselisihan (*Mura'ah al-Khilaf*) dalam Berfatwa
Berdasarkan konsep keterbukaan *ijtihad* dan fatwa dalam kalangan mujtahid sebagaimana perbincangan di atas, maka kebarangkalian berlaku perbezaan pandangan tidak dapat dielakkan. Dalam hal ini, para fuqaha' sewajarnya bersikap terbuka dalam menghadapinya. Menurut fuqaha Mazhab Maliki, adab atau kaedah meraikan perselisihan (*mura'ah al-khilaf*) ini sebagai menghormati pendapat mujtahid yang lain di mana pandangan tersebut dikeluarkan setelah usaha yang sungguh-sungguh dilakukan (Sayyid Muhammad Musa, t.t.).

Perkataan *mura'ah al-khilaf* berasal daripada dua patah perkataan iaitu "*al-mura'ah*" dan "*al-khilaf*". Perkataan *al-mura'ah* daripada segi bahasa ialah memelihara (*al-hifzu*) dan bersifat tolak ansur (*al-rifq*) (Manzur, t.t.). Manakala perkataan *al-khilaf* dari segi bahasa ialah tidak ada persepakatan atau persetujuan, dan berselisih tentang sesuatu perkara (Ibn Manzur, t.t.). Manakala maksud *al-khilaf* dari segi istilah pula ialah tidak

³ Definisi *ijtihad* secara mutlak menurut al-Ghazali ialah mencurahkan kemampuan untuk mendapatkan ilmu tentang hukum syarak (al-Ghazali, 1997).

wujud kesepakatan pandangan dalam kalangan orang yang berilmu ke atas sesuatu isu di mana setiap orang berpegang dengan pandangan masing-masing (Shaqrun, 2002).

Manakala perkataan *mura'ah al-khilaf* daripada sudut istilah mempunyai beberapa maksud dan pelaksanaan. Al-Risa' (1993) mendefinisikannya sebagai mengutamakan hujah dan pendapat mujtahid lain berbanding hujah dan pendapatnya. Ini berdasarkan bahawa sesuatu pandangan yang dikeluarkan turut dipengaruhi oleh kekuatan dalil yang dipegang, kesesuaiannya dengan isu dan juga ketepatan dengan keadaan semasa. Maka dalam hal ini, pandangan-pandangan daripada mujtahid lain perlu diambil kira. Ibnu Abd al-Salam mendefinisikannya sebagai memberikan setiap satu daripada dalil-dalil hukumnya serta mengutamakan pendapat yang berselisih (al-Manjur, t.t.). Manakala menurut Ibnu 'Urfah, mengamalkan dalil pada kebiasaan dalil yang diamalkannya dan dalam keadaan yang lain, menggunakan dalil yang lain (al-Risa', 1993; al-Laqqani, 1992; al-Tusuli, 1998; Ahmad bin Yahya, 1995). Kedudukan menghormati perbezaan ini adalah disebabkan fatwa atau pendapat mujtahid yang berbeza adalah didapati lebih kuat dari sudut dalil dan *masalahnya*.

Seterusnya al-Syatibi menjelaskan *mura'ah al-khilaf* sebagai keadaan di mana sebelum berlaku *khilaf*, seorang mujtahid adalah berpegang dengan pendapatnya. Selepas berlaku *khilaf*, ternyata pendapatnya adalah lemah (*marjuh*) untuk terus dipegang maka perlu meraikan pendapat yang lain agar dapat mengangkat kemudaratan. Maka dalam hal ini perlu mengutamakan dalil yang berlawanan untuk mengelak daripada hal yang memudaratkan (al-Syatibi, 1997; al-Ansari, 2010).

Menurut Idris al-Fasi al-Fahri, kaedah *mura'ah al-khilaf* sebagaimana menurut al-Syatibi adalah menukar pandangan yang "tidak tepat" apabila berlaku perselisihan pandangan demi mencapai objektif syarak (*maqasid syari'ah*). Dalam erti kata lain ialah mengamalkan dalil pada kebiasaan dalil yang diamalkannya dan mengamalkan apa yang dilazimkannya dengan dalil yang lain kerana melihat faktor kesan (*maqasid syari'ah*) (al-Fahri, 2001; Jaddiyyah, 2010). Jelasnya, seorang mujtahid dibenarkan untuk keluar daripada kepompong mazhab dan pendapatnya dengan berpegang kepada pendapat-pendapat yang lain yang dirasakan lebih tepat (*rajih*) berdasarkan dalil-dalil yang dibincangkan (Jaddiyyah, 2010).

Aplikasi *mura'ah al-khilaf* dapat menyatukan umat Islam

melalui adab menghormati pandangan mujtahid yang lain, dengan ini dapat mendepokkan jurang antara mazhab, meyempitkan perbezaan (*khilaf*) dan menghapuskan kesukaran terhadap orang-orang Islam. Menurut Ali Ahmad al-Nadwi (2009), kaedah ini amat penting kerana kesannya dapat menimbulkan rasa hati-hati dalam beragama, memupuk kasih sayang dan mendatangkan *masalah yang rajih*.⁴ Mengulas hal ini, Ibnu Mas'ud menyatakan bahawa perselisihan adalah sesuatu yang buruk.⁵

Konsep *mura'ah al-khilaf* adalah seperti *istihsan* di mana seorang mujtahid mengutamakan dalil daripada mujtahid yang lain (yang *khafi*) berbanding pendapatnya sendiri (yang *jali*) kerana lebih dekat dengan tujuan syara'. Prinsip *mura'ah al-khilaf* ini juga selaras dengan *sadd al-dhara'i'* untuk mengelak daripada unsur-unsur yang boleh membawa kepada kerosakan (al-Qurtubi, t.t.). Al-Syatibi merasionalkannya sebagai metod mencapai *masalah* (kebaikan) dan menghilangkan *mafsadah* (kerosakan) (al-Syatibi, 1997). Penilaian yang lebih maslahat ini (*al-aslah*) adalah mengikut ukuran kesan sesuatu kejadian sama ada dalam jangkaan yang akan mengundang kemaslahatan atau menolak kemudaratan (Muhammad al-Amin, 2002).

Kedudukan ini selaras dengan teori *ma'alat al-af'al* iaitu melihat kepada kesudahan perbuatan/tindakan sama ada selari dengan tujuan syarak atau tidak (al-Syatibi, 1997). Menurut Walid bin 'Ali al-Husain, *ma'alat al-af'al* ialah menghitung sama ada hukum yang diputuskan adalah menepati kehendak-kehendak syarak, dan bersesuaian dengan tujuan amalan itu disyariatkan (Walid, 2009; al-Ayubi, 2011). Jelasnya, kaedah *mura'ah al-khilaf* bukan sahaja melihat kepada dalil yang dirujuk, tetapi juga melihat pada kesan yang selari dengan *maqasid syari'ah* (Shaqrun, 2002). Pelaksanaan metod *istinbat* sebegini secara tidak langsung akan membawa kepada *talfiq* di mana seorang mujtahid

⁴ Nas sebagaimana hadith Nabi S.A.W menyebut, "Wahai 'Aisyah, kalaulah bukan disebabkan kaummu masih baru (dengan Islam), nescaya aku akan robohkan (mengubahsuai) Kaabah ini dan aku jadikan padanya dua buah pintu; pintu masuk dan keluar." Imam Bukhari memuatkan hadith ini di bawah bab, "Seseorang yang meninggalkan kehendaknya kerana risau tidak akan difahami (sukar difahami) oleh sebahagian manusia dengannya, maka mereka akan terjerumus ke dalam perkara yang lebih teruk," (Riwayat Bukhari, hadith no. 126).

⁵ Athar ini didatangkan oleh al-Hafiz Ibnu Hajar, beliau nukilkan daripada Sunan Abi Daud dengan lafaz, "Sesungguhnya Ibnu Mas'ud solat empat rakaat (solat tamam ketika musafir), maka dikatakan kepadanya, "Kamu mengikuti Uthman dan menunaikan solat empat rakaat." Kata Ibnu Mas'ud, "Perselisihan adalah sesuatu yang buruk." (Riwayat Abu Dawud, hadith no. 1960; al-Nadwi, 2009).

melakukan *ijtihad tarjih*⁶ dengan memilih pandangan yang lebih tepat (*arjah*). Dalam hal ini, mujtahid tidak hanya mengambil pendapat daripada pandangan mazhabnya sahaja, malah boleh mengambil daripada mana-mana pandangan mazhab lain yang memiliki keputusan yang *arjah* tadi.⁷

Dalam meraikan perbezaan pandangan dan memilih pandangan yang lebih tepat ini, mujtahid bukan sahaja mengetahui *maqasid syari'ah*, malah memahami *maqasid* ini daripada perspektif kedudukan hukum dan realiti semasa (*waqi'*), serta keutamaannya (*al-aulawiyat*) untuk dilaksanakan pada ketika itu. Mujtahid dalam menisbahkan masalah berdasarkan kesesuaian semasa, membezakan antara yang utama daripada yang utama yang lain, serta dapat memberi pertimbangan yang tepat melalui *fiqh timbangtara* (*al-muwazanat*) (Qaradawi, 1996). Justeru, matlamat ini tidak boleh dicapai selagi mana mujtahid tidak melihat wujudnya persamaan '*illah* hukum dan hikmahnya. Oleh kerana itu, al-Juwaini menyatakan bahawa sesiapa yang tidak memahami objektif-objektif syarak ke atas suruhan dan larangan, maka ia tidak layak untuk menentukan hukum syarak (al-Juwaini, 1997).

Justeru pemahaman kepada *fiqh al-waqi'* dapat membantu mujtahid dalam meraikan perbezaan pandangan dengan anggapan sebahagian hukum-hakam akan berubah dengan perubahan zaman, tempat dan adat (*'urf*). Perubahan zaman akan menyebabkan perubahan pada keperluan dan keutamaan manusia sehingga boleh mengubahkan kepentingan (*daruriyyah*), keperluan (*hajiyyah*) dan keindahan (*tahsiniyyah*) (Zaidan, 2003). Walau bagaimanapun, kelonggaran ini tidaklah sehingga sesuatu '*urf* itu berlawanan dengan nas syarak (al-Ghazali, 1997). Ia mestilah '*urf* yang *sahih* yang diiktiraf oleh syarak (Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah, 1968; Nadwi, 2009; al-Zarqa', 1995).

⁶ Ia bermaksud memilih pendapat yang paling tepat dalam permasalahan tertentu yang telah diputuskan oleh mazhab masing-masing. Keadaan yang serba moden dan berbeza daripada zaman para mujtahid telah menjadikan sesetengah pendapat tidak lagi sesuai dan memerlukan pengkajian semula bagi menentukan pendapat yang lebih *rajih* (tepat), sama ada dari segi kekuatan penghujahannya (dalil) atau pun kesesuaian dengan maqasid syariah (objektif syarak) (Mazlee Malik, 2005).

⁷ *Ijtihad* ini merupakan proses mengeluarkan hukum daripada sumber syarak bagi isu-isu baru yang dihadapi oleh kaum muslimin. Antara contoh-contoh isu baru ialah tempoh berpuasa bagi penduduk Islam di kutub utara yang hanya menghadapi enam bulan siang dan enam bulan malam, hukum pengklonan tanaman, haiwan dan manusia. Begitu juga hukum insurans, kad kredit, pengeboman berani mati di Palestin menyertai pilihanraya dan sebagainya (Mazlee Malik, 2005).

Kaedah *Mura'ah al-Khilaf* dan Penyeragaman Fatwa

Sejarah menunjukkan bahawa fanatik mazhab membawa kepada kemudaratan. Misalnya pada tahun 326 H, berlaku peperangan antara pengikut Mazhab Syafi'i, Maliki dan Hanafi di Masjid *al-Jami' al-'Atiq* di Mesir yang telah mengorbankan banyak nyawa (al-Dusuqi, t.t.). Demikian juga berlaku di Asfahan, Baghdad pada tahun 414 H, 422 H, 447 H dan 1382 H di mana pergaduhan berlaku akibat perbezaan dalam isu mazhab akidah dan fiqh yang dipegang oleh masing-masing (al-Humawi, t.t.; Kathir, 1988; Majallah Risalah al-Islam, t.t.). Jelasnya, perbezaan dan ekstrem dalam bermazhab boleh membawa kepada mudarat kepada Islam dan penganutnya.

Maka keperluan kepada penyatuan pandangan dan penyeragamannya dalam kalangan ummah adalah sesuatu yang sangat penting. Secara tidak langsung, langkah penyatuan dan penyeragaman fatwa dapat mengelak sikap ekstrem, mewujudkan perpaduan dan kestabilan, malah memastikan undang-undang dapat dilaksanakan dengan konsisten dan adil. Daripada segi sejarah, usaha penyatuan dan meraikan perbezaan pandangan ini telah dilakukan oleh banyak pihak yang bermula sejak zaman Sahabat lagi seperti Ibnu Mas'ud menyatakan bahawa *khilaf* itu buruk sehingga beliau mengikut *ijtihad* Uthman (Khalifah ketika itu) dan meninggalkan *ijtihad*nya (Riwayat Abu Dawud, hadith, no. 1960). Begitu juga Umar al-Khattab, yang menyatakan bahawa beliau berasa malu dengan Allah sekiranya berbeza pandangan dengan Abu Bakar, dan dalam hal tersebut Umar mengutamakan pandangan Abu Bakar (al-Qayyim, 1973). Menurut al-Sya'bi, mufti daripada para Sahabat sangat meraikan pandangan Sahabat yang sezaman dengannya seperti Abdullah bin Mas'ud meraikan pendapat Umar bin al-Khattab, Abu Musa meraikan pendapat Ali dan Zaid meraikan pendapat Ubay bin Ka'ab walaupun mereka semua mempunyai pandangan yang tersendiri." (al-Syaukani, 1396H)

Semangat yang sama berlaku pada zaman *tabi'in* dan *tabi' tabi'in* sehingga pandangan fuqaha' yang paling berotoriti pada sesuatu zaman diraikan bagi mengelak *khilaf*. Oleh kerana itu pada Zaman Abbasiyyah, Setiausaha Negara iaitu 'Abd Allah ibn al-Muqaffa' mencadangkan kepada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur agar mengangkat Kitab *al-Muwatta'* karangan Imam Malik supaya menjadi pandangan utama Kerajaan dan *ijtihad*nya digubal menjadi sebuah kod undang-undang yang

seragam. Bagaimanapun, cadangan ini tidak diterima oleh Imam Malik (al-Anbari, 1987; Jasni Sulong, 2014; Muhamid, 2001). Demikian juga yang dihajatkan oleh Khalifah al-Mahdi dan Khalifah al-Rashid untuk menjadikan Mazhab Maliki sebagai rujukan rasmi (Musa, 1983; al-Zahabi, 1985; al-Asbahani, 1996). Cadangan ini akhirnya diterima oleh Abu Yusof daripada Mazhab Hanafi apabila Kerajaan Harun al-Rashid telah melantik sebagai ketua hakim dan menjadikan kitab *al-Kharraj* karangannya sebagai rujukan (Jasni Sulong, 2014). Selain itu, kerajaan Bani ‘Abbasiyyah memerintahkan al-Mawardi menulis kitab *al-Ahkam al-Sultaniyyah* untuk dijadikan rujukan rasmi (al-Mawardi, 1986; al-Muhamid, 2001). Dalam usaha mewujudkan kesatuan pandangan fiqh, Kerajaan Khadive Muhammad Ali Pasha yang memerintah kerajaan Uthmaniyyah pernah mengeluarkan perintah supaya hanya kadi atau mufti yang bermazhab Hanafi sahaja yang dibenarkan untuk mengeluarkan fatwa atau keputusan hukum dalam kes-kes yang berkaitan dengan undang-undang Islam (Jasni Sulong, 2014).

Usaha penyeragaman dan mewujudkan hanya satu pandangan fatwa sahaja untuk diamalkan dalam sesebuah negara tidak terhenti setakat itu. Dalam hal ini, para fuqaha’ dan pentadbir juga hendaklah memahami kaedah *istinbat* hukum syarak yang tepat dan seragam supaya hasil *ijtihad* akan membawa kepada keputusan yang sama. Justeru, ‘Abd al-Rahman bin Mahdi pernah mencadangkan kepada Imam Syafi‘i agar menulis kitab yang menerangkan metodologi pengeluaran hukum fiqh berasaskan dalil-dalil syarak iaitu al-Quran dan hadith, serta pemakaian dalil yang bersifat *qat’i*, *zanni*, *nasikh* dan *mansukh*. Penulisan ini bertujuan untuk menggariskan tatacara yang seragam dalam rujukan hukum syarak di mana hasilnya hukum yang bakal dicapai akan seragam dan konsisten (Jasni Sulong, 2014). Selain itu, penyeragaman juga digalakkan oleh para imam mazhab yang empat dalam bentuk tersirat di mana kesemua mereka menyuruh agar mengutamakan kekuatan dalil ketika beramal dengan sesuatu hukum dan meninggalkan pendapat mereka sekiranya *marjuh* (lemah) (al-Syahid, 2005).

Dari sudut syarak diharuskan untuk menyatukan pendapat fiqh. Ini adalah pendapat ‘Abd al-‘Aziz bin Muhammad bin Ibrahim Ali al-Syeikh, Saleh bin Ghasin, Rasyid bin Khunain (al-Muhamid, 2001), Muhammad Mustafa al-Muraghi (2011), Abu Zahrah (al-Muhamid, 2001), Ali al-Khafif (al-Muhamid, 2001), Muhammad Makhluif (al-Muhamid, 2001), ‘Abd al-Wahhab

Hafiz (al-Muhamid, 2001), Muhammad Zaki ‘Abd al-Barr (al-Muhamid, 2001), Yusof al-Qaradawi (2011), ‘Abd al-Nasir Taufiq al-‘Atar (1993), Mustafa Ahmad al-Zarqa (1999), Wahbah al-Zuhaili (2014), Muhammad bin al-Hasan al-Hajawi al-Tha’alabi (2012) dan Abu al-A’la al-Mawdudi (al-Muhamid, 2001). Mereka menyandarkan pendapat ini dengan hujah *maslahah* di mana ia dapat memudahkan para kadi dan masyarakat Islam dalam mengetahui hukum syarak (al-Barr 1986), mengurangkan kesilapan ketika berhukum (al-‘Atar, 1993), menyatukan fatwa negara dengan mengambil hukum yang paling *rajih* serta mengelak daripada keburukan akibat perselisihan (al-‘Atar, 1993). Penggunaan dalil *maslahah* ini tepat kerana ketiadaan dalil melarang (*mulghah*) ataupun menetapkannya (*mu’tabarah*), bahkan amat berfaedah untuk diaplikasikan dalam *al-siyasah al-syar’iyyah* di mana pentadbir telah menetapkan hukum hakam yang memudahkan urusan masyarakat serta wajib melaziminya (al-Muhamid, 2001).

Penetapan kepada satu keputusan fatwa yang seragam adalah merupakan salah satu bidangkuasa pemerintah di bawah prinsip *siyasah al-syar’iyyah*. Apabila seseorang pemimpin sudah menetapkan sesuatu hukum, maka wajib melazimi dan taat terhadap hukum tersebut. Ketaatan ini berdasarkan kepada firman Allah S.W.T,

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ
 Maksudnya, “Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada “Ulil-Amri” (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu.” (Al-Nisa’: 59)

Berdasarkan ayat tersebut, Allah S.W.T menyuruh taat kepada *wali al-amr* sama ada ia disandarkan kepada para pemerintah atau kepada para ulama. Justeru, para fuqaha’ menetapkan hukum untuk dijadikan undang-undang, manakala para pemerintah menguatkuasakan undang-undang tersebut serta wajib ditaati (al-Muhamid, 2001). Selain itu, ia disokong juga dengan firman Allah S.W.T, *وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ*, yang bermaksud, “bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu.” (Ali-Imran: 159) Ini kerana, dengan bermesyuarat ia akan menghindarkan perselisihan yang ditegah dan kata sepakat dapat dicapai (al-Muhamid, 2001).

Demikian juga ditetapkan oleh Sunnah Nabi S.A.W

akan ketetapan mentaati pemimpin sebagaimana sabda baginda S.A.W yang bermaksud, “dengarlah dan taatlah walaupun yang memerintah kamu adalah hamba abdi Habsyi” (Riwayat al-Bukhari, hadith no. 7142). Dalam hal ini, sekiranya berlaku *khilaf* maka diwajibkan bagi fuqaha’ lain dalam negara (*mura’ah al-khilaf*) mengikut fatwa rasmi yang telah diputuskan walaupun bersalahan dengan *ijtihadnya* (‘Abidin, 1386H). Paling tidak, sikap meraikan pandangan dalam fatwa rasmi ini akan melahirkan pelaksanaan hukum yang seragam, seterusnya dapat mewujudkan suasana yang adil yang menjadi tujuan Syarak sebagaimana firman Allah S.W.T:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ

Maksudnya, “Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil.” (Al-Nisa’: 58)

Jelasnya, apa sahaja *wasilah* yang boleh membawa kepada keadilan dan kesatuan pandangan adalah wajib dilaksanakan sebagaimana kaedah fiqh menyebut, ‘sesuatu yang wajib tidak sempurna melainkan dengannya maka ia juga akan menjadi wajib’ (al-Subki, 1991).

Meskipun demikian, fatwa rasmi kerajaan juga hendaklah tidak lari daripada mengambil pandangan yang paling *rajih* iaitu berdasarkan kepada dalil, *maslahah* dan *maqasid al-syari’ah* supaya menjadi kuat dan kukuh. Ini bagi memastikan perbezaan pandangan antara para fuqaha’ tidaklah besar jurangnya dan ia merupakan pandangan yang diterima oleh sebahagian besar fuqaha’ semasa (al-Zuhaili, 2005). Justeru, penyeragaman pandangan ini dapat dilakukan dalam keadaan yang lebih damai (*reconciliation*) dan seterusnya memastikan proses penguatkuasaan dan pentadbiran undang-undang Islam dapat dijalankan dengan saksama (El-Muhammady, 1992). Secara tidak langsung, kerigidan pada sesebuah mazhab tidak terlalu menyekat ahli *ijtihad* sehingga mengurangkan dominasi *taqlid* dan sikap ekstrem kepada fatwa mazhab masing-masing sahaja (al-Qaradawi, 2004). Justeru, semangat keterbukaan dan pendekatan

reformisme bagi menghadkan ikatan *taqlid* secara berlebihan khususnya dalam metodologi pengeluaran sesuatu fatwa perlu dimiliki oleh mujtahid pada masa kini bagi melahirkan fatwa yang seragam, seimbang dan saksama untuk dikuatkuasakan ke atas masyarakat dan negara (Naemah, 2003).

Penyeragaman Fatwa dalam Pentadbiran Undang-undang di Malaysia

Di Malaysia, usaha ke arah penyeragaman fatwa secara khusus dan undang-undang Islam secara umum menjadi salah satu agenda Kerajaan Persekutuan ke atas negeri-negeri. Menurut Perkara 76(1)(b) Perlembagaan Persekutuan, Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri termasuk undang-undang Islam bagi maksud mengadakan persamaan undang-undang antara dua buah negeri atau lebih. Undang-undang yang dibuat akan dikenakan kepada orang-orang Islam di sesuatu negeri dan apabila diterima dengan suatu undang-undang yang diperbuat oleh Badan Perundangan Negeri. Kemudian, undang-undang tersebut hendaklah disifatkan sebagai undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan.

Di peringkat Persekutuan, Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) bertanggungjawab untuk menyelaras dan melaksana arahan Majlis Raja-Raja mengenai urusan agama Islam melalui Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) bagi penyeragaman undang-undang Islam seluruh Malaysia. Berasaskan tanggungjawab ini, JAKIM berbidangkuasa untuk menyelaras pentadbiran hal ehwal Islam antara negeri-negeri, misalnya dengan menubuhkan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJFK) yang terdiri daripada seorang pengerusi yang dilantik oleh Majlis Kebangsaan Islam (MKI) di kalangan ahlinya, Mufti tiap-tiap negeri yang mengambil bahagian atau seorang yang mewakili negeri dalam hal ehwal agama Islam, lima orang alim ulama dan kalangan profesional serta pakar-pakar muslim yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja dan seorang ahli yang beragama Islam dari perkhidmatan kehakiman dan undang-undang atau dari profession undang-undang yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja.⁸ Ia berperanan sebagai medium untuk menyelaras dan menyeragamkan fatwa di negeri-negeri. Saranan yang dibuat oleh JAKIM ini bertepatan dengan anjuran kaedah *mura'ah al-khilaf* di mana walaupun jabatan

⁸ <http://www.e-fatwa.gov.my/jawatankuasa-fatwa-majlis-kebangsaan-bagi-hal-ehwal-ugama-islam-malaysia> (Diakses pada 1/4/2015)

mufti negeri berhak untuk mengeluarkan fatwa masing-masing, namun untuk kemaslahatan awam hendaklah meraikan sekaligus menerima fatwa yang dikeluarkan oleh MJFK.

Setakat hari ini, usaha penyeragaman fatwa di peringkat negeri dan Pusat ialah melalui pendekatan penyeragaman kepada metod rujukan pandangan mazhab. Melalui peruntukan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam setiap negeri melainkan di Perlis, undang-undang memperuntukkan bahawa keutamaan untuk melakukan rujukan adalah kepada Mazhab Syafi'i iaitu berdasarkan peruntukan *qawl muktamad*.⁹ Begitu juga diperuntukan dalam statut yang berkaitan seperti dalam Enakmen Mufti dan Fatwa Negeri Kedah 2008, Seksyen 26 memperuntukkan bahawa dalam mempertimbangkan apa-apa fatwa di bawah Seksyen 21 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah Seksyen 25, Jawatankuasa Fatwa hendaklah, pada lazimnya mengikut *qawl muktamad* Mazhab Syafi'i berlandaskan Al-Quran, Hadith, Ijmak Ulama dan Qiyas. Melainkan jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut *qawl muktamad* Mazhab Syafi'i suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, maka Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut *qawl muktamad* Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali setelah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan. Demikian juga sekiranya Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun *qawl muktamad* daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, maka fatwa itu bolehlah diputuskan mengikut hemat sendiri tanpa terikat dengan *qawl muktamad* daripada mana-mana mazhab yang empat itu.¹⁰

Manakala Negeri Perlis, kawalan ke atas penyeragaman bukan dibuat berasaskan mazhab yang sempit tetapi kepada kepentingan awam atau *maslahat* semasa. Ini bagi memastikan fatwa yang dicapai adalah lebih tepat dan rajih dengan mengekalkan dua sumber yang utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah dalam mencari pandangan yang menepati *maslahat* dalam skop pandangan-pandangan mazhab yang diiktiraf oleh *ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* (Faisal, 2011). Dalam hal ini Seksyen 7, Enakmen Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Perlis 1964 memperuntukkan:¹¹

⁹ Sebagai contoh, seksyen 42, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Melaka Bil. 7 Tahun 2002

¹⁰ Seksyen 26, Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) No. 10 Tahun 2008. Lihat juga Seksyen 14, Enakmen Fatwa Negeri Sabah No. 7 Tahun 2004

¹¹ Seksyen 7, Enakmen Undang-undang Petadbiran Ugama Islam Perlis No. 3

(4) The Majlis when issuing a Fetua and then Shara'iah Committee when giving its opinion under sub-section (2) shall follow the Al-Quran and or Sunnah Rasulal Allah Sallal Allah 'Allaihi Wasallam. Provided that where the following of such tenets would be opposed to public interes.

Pendekatan Negeri Perlis ini membayangkan bahawa keputusan sesuatu fatwa mestilah melihat kepada kepentingan awam yang berubah-ubah mengikut suasana semasa di samping rujukan teras kepada nas syarak. Apabila hubungkait ini dibina maka sesuatu keputusan fatwa yang tepat (*rajih*) akan dapat dicapai.

Kaedah dan Amalan Penyeragaman Fatwa di Malaysia

Berdasarkan perbincangan di atas, matlamat Persekutuan dan Negeri telah menunjukkan kehendak kepada penyeragaman dan kesatuan fatwa ini. Cuma yang menjadi persoalan ialah dalam amalan, tidak semua negeri mengikuti keputusan fatwa yang dicadangkan oleh MJFK walaupun antara yang menjadi ahli adalah mufti negeri-negeri. Ini kerana, kuasa negeri adalah terletak pada Pihak Berkuasa Negeri yang diketuai oleh Raja atau Tuanku al-Sultan bagi negeri masing-masing. Selain itu, hanya lapan negeri sahaja iaitu Perlis,¹² Selangor,¹³ Perak,¹⁴ Johor,¹⁵ Pulau Pinang,¹⁶ Melaka,¹⁷ Sabah¹⁸ dan Sarawak¹⁹ memperuntukkan peruntukan khusus untuk menerima pakai nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Manakala negeri-negeri yang lain tidak memperuntukkan seksyen tersebut. Namun dari segi praktikal, boleh dikatakan bahawa negeri-negeri yang tidak diperuntukkan enakmen berkenaan menerima pakai nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan sebagaimana di Wilayah

Tahun 1964

¹² Ibid, Seksyen 52

¹³ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Seksyen 52

¹⁴ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Seksyen 41

¹⁵ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor), 2003, Fasal 52

¹⁶ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang), 2004, Seksyen 52

¹⁷ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka), 2002, Seksyen 40

¹⁸ Enakmen Fatwa 2004, Seksyen 12

¹⁹ Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001, Seksyen 42

Persekutuan,²⁰ Terengganu,²¹ Kelantan²² serta negeri-negeri yang lain.²³

Tambahan lagi, bidangkuasa khusus oleh negeri-negeri membolehkan sesebuah negeri untuk menangguhkan dahulu perbincangan sesuatu fatwa yang diputuskan oleh MJFK. Kadangkala negeri hanya membincangkan isu yang timbul dalam lingkungan negeri sahaja tanpa memasukkan isu yang dibincangkan di peringkat MJFK. Menurut Perak (Kamaruddin Bin Adam, 2015), terdapat negeri yang tidak membentangi sepenuhnya kertas keputusan yang dibuat di peringkat MJFK, tetapi ia dikecualikan dalam mesyuarat sebagai rujukan kepada ahli. Terdapat juga negeri yang hanya mengadakan mesyuarat sebanyak tiga atau empat kali setahun sahaja, sedangkan MJFK mengadakan mesyuarat sebanyak 6 kali setahun. Ini menyebabkan beberapa keputusan MJFK tertangguh dan tidak sempat dibincangkan di peringkat negeri. Justeru, mesyuarat fatwa perlu dilakukan secara berkala bagi memastikan setiap keputusan fatwa di peringkat Pusat dapat dibawa ke peringkat negeri. Antara isu yang menjadi halangan penerimaan ke atas fatwa MJFK walaupun mufti negeri telah bersetuju semasa mesyuarat di MJFK, ialah keputusan tersebut tidak berjaya dihadam oleh AJK fatwa kerana mereka tidak berada dalam proses pengeluaran dan perbincangan fatwa sejak daripada awal (Mahmood Zuhdi, 2016).

Bagi menyelesaikan isu ini (Zulkifly Bin Muda, 2016; Kamaruddin Bin Adam, 2015; Mohd Haniff Bin Omar, 2015; Mat Jais Bin Kamos, 2015; Mohamad Shukri Bin Mohamad, 2016), semua isu yang dibincangkan di peringkat MJFK perlu menjadi agenda mesyuarat di peringkat negeri pula dan minit mesyuarat MJFK perlu dijadikan rujukan utama. Kedudukan ini akan memberi kesaksamaan dalam fakta yang dibincangkan sama ada di peringkat Persekutuan dan Negeri. Mesyuarat Negeri pula perlu diadakan sebagai susulan daripada MJFK. Ini dapat mengelak daripada keputusan MJFK ditolak oleh AJK fatwa negeri atas alasan tidak memenuhi ketepatan hukum berdasarkan ilmu *Usul al-Fiqh* atau terkeluar daripada Mazhab Syafi'i. Lebih-

²⁰ Temubual bersama Pegawai Istinbat Wilayah Persekutuan, Ustaz Abdul Jamir Jaafar, bertarikh 17/12/2015, Jam 11 pagi.

²¹ Temubual Bersama Dato' Mufti dan Pegawai Istinbat Negeri Terengganu bertarikh 24/2/2016 pada jam 10.00 pagi

²² Temubual Bersama Dato' Mufti Kelantan bertarikh 25/2/2016 pada jam 10.00 pagi

²³ Temubual bersama Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Fatwa, Jakim, bertarikh 16/12/2015, jam 10 pagi.

lebih lagi MJFK mempunyai dana yang besar untuk membuat penyelidikan, mampu mendapatkan pandangan pakar dan mengadakan perbincangan dalam kalangan semua mufti-mufti negeri (Mahmood Zuhdi, 2016; Ahmad Hidayat, 2016; Mohamed Azam, 2016; Kamaruddin Bin Adam, 2015).

Alternatif lain bagi memberi lebih kefahaman kepada AJK Fatwa Negeri ialah dengan melibatkan semua AJK fatwa negeri dalam perbincangan di peringkat MJFK. Berdasarkan kajian (Mohamed Azam, 2016), sebenarnya semua mufti menyokong usaha Jakim untuk penyeragaman fatwa, di mana sebahagian besar (71%) pegawai yang bertugas di Jabatan Mufti Negeri bersetuju dengannya. Hal ini juga sebagaimana yang dinyatakan oleh Aminuddin Bin Mohamad (2015), Wan Salim Bin Wan Mohd (2015) dan Zulkifly Bin Muda (2016). Menurut Mohamed Azam Mohamed Adil, seramai 95% responden orang awam mengharapkan agar fatwa diselaraskan di peringkat pusat supaya tidak wujud salah faham dan keclaruan dalam memahami fatwa (Mohamed Azam, 2016). Menurut Irwan Mohd Subri (2015), penyeragaman fatwa ini tiada masalah untuk dilakukan kerana rata-ratanya *waqi* di Malaysia adalah sama. Dengan penglibatan ramai para ilmuan dalam sesuatu MJFK, aspek ketepatan dengan piawaian ilmu, *maslahat* dan *maqasid* sepatutnya tiada isu lagi (Ahmad Hidayat, 2016; Kamaruddin Bin Adam, 2015).

Berdasarkan kajian, penerimaan keputusan MJFK oleh sesetengah negeri adalah disebabkan isu yang dibincang di MJFK ada kaitan atau turut berlaku di negeri-negeri tersebut.²⁴ Sebahagian negeri mengambil jalan mudah dengan menggunakan keputusan MJFK sebagai jawapan apabila isu tersebut diajukan kepada negeri.²⁵ Penerimaan juga dikaitkan dengan isu-isu yang mudah dan jelas,²⁶ sehingga tiada masalah untuk negeri menerima fatwa MJFK, di samping atas alasan hujah dan dalil yang dikemukakan

²⁴ Temubual Bersama Mufti Y.Bhg. S.S. Dato' Dr. Haji Wan Salim Bin Wan Mohd, Pada 30/12/2015, Jam 9.30 Pagi, Temubual Bersama Mufti Dato' Dr. Haji Zulkifly Bin Muda Negeri Terengganu, Pada 24/2/2016, Jam 10.00 Pagi, Temubual Bersama Setiausaha Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak Dan Ketua Pegawai Fatwa, A.F. Ustaz Kamaruddin Bin Adam, Pada 23/12/2015, Jam 11.00 Pagi

²⁵ Temubual Bersama Mufti Y.Bhg. S.S. Dato' Dr. Haji Wan Salim Bin Wan Mohd, Pada 30/12/2015, Jam 9.30 Pagi

²⁶ Temubual Bersama Pegawai Jakim Ustaz Aminuddin Bin Mohamad Selaku Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Fatwa, Jakim, Pada 16/12/15, Jam 10 Pagi, Temubual Bersama Mufti Kelantan, Dato' Haji Mohamad Shukri Bin Mohamad, Pada /2/2016, Jam 10.00 Pagi

oleh MJFK adalah kukuh dan kuat (*rajih*).²⁷

Berdasarkan hal ini, jelas bahawa kesatuan pandangan atau fatwa boleh dicapai apabila rujukan hukum syarak diselaraskan dengan menumpukan kepada pandangan yang *rajih* dahulu dengan mengutamakan kepentingan awam atau *maslahat*. Kepentingan ini mesti selaras dengan *maqasid al-syar'iyah* supaya matlamat fatwa selaras dengan kehendak syarak. Justeru di samping rujukan pada pandangan fuqaha' yang berbeza, penekanan dan *tarjih* perlulah pada *maslahat* dan *maqasid al-syar'iyah*. Ini kerana kemungkinan dalam sesuatu kes, pandangan daripada Mazhab Syafi'i adalah merupakan pandangan yang *marjuh* (tidak kukuh) dan pandangan mazhab lain lebih *rajih*. Kebebasan mazhab dan mencari yang *rajih* ini selaras dengan pandangan al-Qaradawi yang menyarankan beberapa kaedah atau piawaian dalam memastikan keseragaman fatwa semasa yang diputuskan pada hari ini iaitu (al-Qaradawi, 1988):

- 1) Membebaskan fatwa daripada ikatan mazhab, dengan memfokus kepada kekuatan dalil dan pandangan yang *rajih*.
- 2) Mudah dan jangan susahkan keputusan sesuatu fatwa. Sekiranya terdapat dua pandangan, satunya bersifat hati-hati dan kedua bersifat mudah, maka hendaklah memilih yang mudah.
- 3) Mengutamakan keperluan, kebajikan dan *maslahat* umum. Oleh kerana itu, setiap fatwa mesti mempunyai penjelasan, pencapaian *maslahat* dan justifikasi yang kukuh dan rasional untuk dicapai.
- 4) Menolak segala yang tidak bermanfaat dan mudarat kepada manusia.
- 5) Mengutamakan keputusan yang bersifat pertengahan (*i'tidal mutawassit*) yang tidak terlalu rigid dan tidak terlalu longgar.

Jelasnya, setiap fatwa hendaklah mencari *maslahah* dan memenuhi *maqasid* selagi terdapat dalil yang kuat menyokongnya. Pertimbangan pada yang *maslahah* dan kepentingan umum ini akan mendorong kepada pengakhiran keputusan yang sama dalam kalangan fuqaha'. Oleh itu, berdasarkan kepada peruntukan undang-undang yang ada,

²⁷ Temubual Bersama Setiausaha Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak Dan Ketua Pegawai Fatwa, A.F. Ustaz Kamaruddin Bin Adam, Pada 23/12/2015, Jam 11.00 Pagi

tiada masalah bagi negeri-negeri untuk menyeragamkan pandangannya.

Walaupun dari segi peruntukan yang sedia ada membolehkan negeri-negeri untuk mencapai keputusan yang seragam, namun dari segi praktisnya tidak menghasilkan keseragaman pun. Ini kerana sebahagian negeri melakukan *istinbat* dengan hanya mengambil rujukan dalam kalangan Mazhab Syafi'i sahaja tanpa melihat dan meneliti pendapat-pendapat dalam mazhab lain. Kedudukan ini tentu sekali akan menghasilkan pandangan daripada satu mazhab sahaja (Zulkifli Bin Mohamad, 2015; Kamaruddin Bin Adam, 2015; Mat Jais Bin Kamos, 2015; Mohamad Shukri Bin Mohamad, 2016).

Secara umumnya, peruntukan rujukan *qawl muktamad* dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam dapat menjamin keseragaman fatwa sekiranya ia dapat dilaksanakan dengan berpegang kepada keseluruhan peruntukan undang-undang tersebut. Peruntukan tersebut hendaklah dibaca bersama pada semua klausa (i), (ii) dan (iii). Kerigidan dan sifat inklusif pada Mazhab Syafi'i berlaku apabila ia hanya dibaca pada klausa (i) sahaja dan inilah yang berlaku dalam amalan sesetengah negeri di Malaysia (Mahmood Zuhdi, 2016; Ahmad Hidayat, 2016; Mohamed Azam, 2016; Irwan Bin Mohd Subri, 2015; Zulkifli Bin Mohamad, 2015). Sekiranya klausa (ii) dan (iii) turut dibaca, keputusan fatwa akan menjadi lebih eksklusif dan pada masa lain menjadi terarah kepada satu capaian keputusan yang tepat (*rajih*) berasaskan dalil-dalil syarak.

Perbezaan keputusan juga boleh berlaku daripada sudut perbezaan takrifan mengenai maksud *maslahat* yang ingin dicapai yang selaras dengan *maqasid syariah*. Walaupun mereka merujuk pada sumber yang sama, terdapat sebahagian negeri yang melihat *maslahat* itu daripada sudut pemerintah dan bukannya daripada pihak yang berkepentingan dalam sesuatu isu tersebut (Mat Jais Bin Kamos, 2015; Kamaruddin Bin Adam, 2015; Mohamad Shukri Bin Mohamad, 2016). Misalnya seperti isu pemberian harta pusaka kepada waris *dhu arham*, walaupun pendapat yang *rajih* dan *maslahat* adalah memberikan waris *dhu arham* hak untuk mewarisi harta pusaka apabila tiada langsung waris lain yang berhak ke atasnya sebagaimana fatwa yang diputuskan oleh Perlis, namun sebahagian besar negeri seperti Selangor, Kelantan, Terengganu dan Perak memutuskan fatwa yang sebaliknya. Menurut dapatan kajian, sekiranya fatwa diputuskan selain daripada pandangan dalam Mazhab Syafi'i, ia sukar untuk

diwartakan. Kedudukan ini menyebabkan pihak negeri terpaksa rigid kepada Mazhab Syafi'i. Bagaimanapun alasan ini daripada sudut hukum syarak dan piawaian *Usul Fiqh* tidaklah kukuh dan dapat diterima (Zulkifly Bin Muda, 2016).

Terdapat prosedur kerja yang berbeza dalam proses *istinbat* hukum syarak oleh beberapa Jabatan Mufti Negeri. Ada negeri yang menugaskan pegawai penyelidik di Jabatan masing-masing untuk melakukan tugas penyelidikan awal dan menyediakan kertas kerja. Kemudiannya hasil penyelidikan tersebut diberikan kepada ahli jawatankuasa fatwa untuk menyemak selama dua minggu sebelum diadakan mesyuarat fatwa sebagaimana yang diamalkan di Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan. AJK fatwa perlu melakukan semakan yang mendalam sebelum mesyuarat bagi mengelak daripada mengeluarkan fatwa-fatwa yang bersifat ganjil (*syaz*) (Kamaruddin Bin Adam, 2015).

Manakala sebahagian negeri memberi tanggungjawab ini ke atas ahli jawatankuasa fatwa negeri yang dilantik sebagaimana yang diamalkan oleh Terengganu dan Kelantan. Dua keadaan di atas boleh menghasilkan keputusan dan hasil berbeza sekiranya ia dilakukan secara mudah dan lepas tangan, kerana terdapat perbezaan antara hasil kerja yang dilakukan oleh penyelidik yang berpengalaman dengan penyelidik yang sekadar melakukan pengumpulan data semata-mata. Ini kerana pengumpulan data mentah akan melibatkan proses saringan, klasifikasi, pengkelompokan, sisihan, dan kemasukan data daripada pihak yang melakukan kajian langsung. Semasa proses ini dilakukan, mungkin akan berlaku ketinggalan maklumat.

Menurut temubual yang dijalankan dengan Pegawai Istinbat Negeri Perak, sebahagian pegawai istinbat yang ditugaskan untuk menyediakan kertas kerja penyelidikan ini mengambil rujukan mudah dengan merujuk kepada kitab-kitab kecil dalam Mazhab Syafi'i seperti *al-Iqna'* kerana ingin cepat, sedangkan sepatutnya mereka perlu mengutamakan kitab-kitab utama dalam *ashab* Mazhab Syafi'i itu sendiri seperti merujuk kepada kitab yang dikarang oleh al-Nawawi, Rafi'i, Ibn Hajar dan al-Ramli. Dalam hal ini, pihak Jabatan Mufti hendaklah juga melakukan sorotan kajian terhadap fatwa-fatwa lama atau turun padang melihat kepada kesan keputusan fatwa sama ada membawa kepada kemaslahatan atau tidak. Kaedah penilaian semula terhadap sesuatu maksud *maslahat* atau implikasi fatwa lama ke atas masyarakat awam akan memberi satu pertimbangan yang lebih saksama dalam fatwa semasa yang akan diputuskan

(Kamaruddin Bin Adam, 2015; Wan Salim Bin Wan Mohd, 2015).

Dalam hal ini, *ijtihad* ke atas sesuatu fatwa hukum boleh dilakukan dalam dua bentuk. Pertamanya melakukan sorotan karya konsep (*literature review*) ke atas semua pandangan mazhab bagi melihat kembali pandangan-pandangan yang ada untuk memastikan ketepatan sama ada dari segi nas atau aplikasinya dalam masalah berkenaan (*al-intiqā'i*) (Irwan Bin Mohd Subri, 2015). Keduanya pula ialah dengan melakukan *ijtihad* baru terhadap permasalahan baru bagi mencari jawapan semasa (*al-insyā'i*). Dalam kedua-dua hal ini pendekatan tempatan (*'urf*) adalah sangat penting kerana sejak daripada zaman Imam Syafi'i lagi hal berkenaan sentiasa diambil kira (Mahmood Zuhdi, 2007; Mahmood Zuhdi, 2010; Mohamed Azam, 2016; Kamaruddin Bin Adam, 2015; Wan Salim Bin Wan Mohd, 2015; Irwan Bin Mohd Subri, 2015; Zulkifli Bin Mohamad, 2015).

Menurut Mahmood Zuhdi, *istinbat* adalah merupakan satu proses penyelidikan (*research*) yang sebenar iaitu untuk mencari jawapan bagi sesuatu permasalahan atau isu (Rahimin, 2002). Justeru, proses tersebut mesti dibentuk dengan efektif supaya ia mampu menghasilkan suatu hasil kajian dan penyelidikan yang berkualiti. Dalam hal ini, kaedah penyelidikan hukum yang diaplikasikan hendaklah diselaraskan bagi setiap institusi fatwa agar keseragaman keputusan fatwa dapat direalisasikan dan boleh mengurangkan konflik dalam berfatwa di Malaysia. Antara kaedah untuk mencapainya adalah dengan mengadakan seminar dan bengkel secara berkala untuk menjelaskan kaedah penyelidikan fatwa kepada ahli jawatankuasa fatwa setiap negeri. Perkara ini dapat memastikan penggunaan kaedah penyelidikan yang selaras dan bersifat semasa dan setempat dalam institusi-institusi fatwa di Malaysia. (Mahmood Zuhdi, 2016)

Di atas kesedaran ini, didapati MJFK telah berusaha untuk menambahbaik sistem pengurusan fatwanya dengan mematuhi standard ISO. Pihak MJFK juga mengadakan latihan kefatwaan yang bersifat insentif dan kemahiran di mana ia dijalankan melalui Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi. Bagi memantapkan para pegawai istinbat, Jakim selaku urusetia MJFK juga menganjurkan kursus Pengurusan Dakwah dan Fatwa di Mesir kepada pegawai-pegawai agama dari JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri-negeri dan Jabatan-Jabatan Mufti untuk memberi pendedahan, bertukar pengalaman dan mengambil manfaat mengenai pengurusan dakwah dan fatwa di Mesir secara amnya dan di Universiti al-Azhar secara khususnya.

Di samping isu kaedah, kajian mendapati terdapat fatwa negeri memutuskan hukum dengan berdasarkan kepada sumber dalil yang lemah. Ini memperlihatkan bahawa tugas pentarjihan hukum tidak dilakukan sepenuhnya tanpa menganalisis kekuatan dalil pada hukum yang disandarkan. Misalnya dalam isu wasiat kepada ahli waris, keputusan bahawa tidak sah melakukan wasiat kepada ahli waris yang turut menerima harta pusaka melainkan dengan persetujuan waris-waris yang berhak menerima pusaka itu adalah merupakan sandaran kepada hadith yang lemah (*daif*). Oleh kerana itu berlaku perbezaan fatwa antara Negeri Terengganu (Jasni, 2005) dan Wilayah Persekutuan,²⁸ dengan fatwa yang diputuskan oleh Negeri Selangor,²⁹ Negeri Sembilan³⁰ dan Melaka³¹ yang menghukumkan sebaliknya.

Justeru dalam memastikan sesuatu keputusan fatwa yang diputuskan itu mempunyai elemen kesetaraan antara sesama Jabatan Mufti yang lain (*peers office*) dan kaedah semakan (*check and balance*) hendaklah sentiasa dilakukan. Dalam hal ini, Jabatan Fatwa Negeri hendaklah mengambil kira juga fatwa-fatwa yang telah diputus atau dibincangkan di Jabatan Mufti Negeri yang lain. Langkah ini bukan sekadar memastikan fatwa yang dicapai itu setara, malah ia dapat menjimatkan masa dan kos penyelidikan. Selain itu, proses perbincangan akan lebih tertumpu kepada meneliti jurang perselisihan dan mencari titik persamaan, kekuatan dan kelemahan dalam capaian kepada fatwa terbabit (Irwan bin Mohd Subri, 2015; Kamaruddin Bin Adam, 2015; Wan Salim Bin Wan Mohd, 2015; Mat Jais Bin Kamos, 2015; Zulkifly Bin Muda, 2016). Bagi memudahkan capaian maklumat fatwa ini, Jabatan Mufti Negeri hendaklah menerbitkan hukum fatwa yang telah diputuskan pada setiap tahun berserta hujah dan alasan (Ahmad Hidayat, 2016; Irwan bin Mohd Subri, 2015).

Dalam hal ini, kerjasama pintar boleh diterapkan dalam penyelidikan fatwa bagi menangani isu kontemporari. Kerjasama ini melibatkan pihak autoriti fatwa negeri dengan pusat-pusat penyelidikan sama ada di Institusi

²⁸ Temubual Bersama Ketua Pegawai Istinbat Wilayah Persekutuan, Ustaz Abdul Jamil Bin Jaafar, pada 17/12/2015, Jam 11.00 Pagi

²⁹ Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999

³⁰ (No. 5/2004) pada 5 November 2004 (N.S.P.U. 20/2004)

³¹ (No. 4/2005) mulai 1 Ogos 2005 (M.P.U. 37/05)

Pengajian Tinggi Awam ataupun pihak swasta. Kerjasama ini dapat mengukuhkan lagi dapatan terhadap fatwa yang dikeluarkan (Muhammad Ikhlas dll, 2013). Berdasarkan kepada kemahiran untuk melakukan penyelidikan fatwa, terdapat cadangan agar para mufti adalah dilantik daripada kalangan mereka yang memiliki ijazah Doktor Falsafah (PhD) (Ahmad Hidayat, 2016; Mohamed Azam, 2016; Wan Salim Bin Wan Mohd, 2015). Hal ini juga disokong oleh pegawai-pegawai istinbat yang ditemui di Perak, Wilayah Persekutuan, Selangor dan juga ahli akademik (Irwan bin Mohd Subri, 2015). Seterusnya bagi tujuan pengukuhan fatwa, Mahkamah Syariah hendaklah merujuk kepada fatwa dalam isu-isu yang sedang diadili. Hal ini dapat mengurangkan jurang perbezaan di antara dua intitusi yang penting ini (Ahmad Hidayat, 2016; Kamaruddin Bin Adam, 2015).

Kesimpulan

Penyeragaman fatwa dan kesatuan keputusan *ijtihad* adalah merupakan sesuatu yang penting kerana ia menonjolkan syiar keadilan dan kesaksamaan dalam Islam. Justeru, usaha *istinbat* dan *ijtihad* perlu dilakukan secara sistematik, konsisten dan mematuhi piawaian epistemologi ilmu sama ada daripada sudut pendalilan nas atau keilmuan mujtahid dan mufti. Ia juga mempunyai adab-adabnya sehingga fuqaha' menggariskan mengenai adab dalam berbeza pandangan ketika berfatwa (*mura'ah al-khilaf*). Fatwa yang tepat (*rajih*) ialah yang dapat menyelesaikan masalah, membawa *maslahat*, menolak mudarat dan tidak menimbulkan persoalan lain selepasnya. Selaras dengan maksudnya, fatwa sepatutnya seragam dan sehaluan kerana *maslahat* dan *maqasid syariah* adalah satu, setara dan sama, lebih-lebih lagi apabila ia dipraktikkan pada zaman yang sama.

Jelas daripada perbincangan di atas bahawa kepentingan penyeragaman fatwa ini sangat dikehendaki dan matlamat ini dimuatkan dalam perundangan semasa apabila Perlembagaan Persekutuan dan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam negeri memperuntukkan mengenai kaedah untuk mencapainya. Cuma isu

bidangkuasa pentadbiran agama Islam yang berbeza antara negeri menyebabkan sedikit kekangan dan kerana itu ditubuhkan MJFK bagi memantau keseragaman fatwa ini. Bagaimanapun, pendekatan ini mendapat penerimaan yang berbeza antara negeri. Beberapa langkah telah dicadangkan supaya Jabatan Mufti Negeri mengambil langkah khas dalam menerimapakai keputusan MJFK dan juga meraikan fatwa yang pernah diputuskan oleh negeri-negeri yang lain di negara ini.

Sehubungan itu, usaha-usaha telah dilakukan untuk mengatasi masalah ini sama ada di pihak JAKIM selaku urusetia kepada MJFK dan di pihak Jabatan Mufti selaku urusetia kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri seperti menambahbaik sistem pengurusan fatwa, memperbanyakkan mesyuarat penyelarasan, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai fatwa serta meluaskan kefahaman fatwa kepada ahli-ahli muzakarah dan masyarakat. Di samping itu, diharapkan dengan usaha yang dijalankan ini berserta beberapa cadangan yang bersifat jangka pendek dan panjang akan memperkukuh dan memantapkan lagi institusi fatwa di Malaysia ke arah satu negara satu fatwa.

PENGHARGAAN

Kajian ini ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi di bawah Geran Penyelidikan Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) Phase 1/2014. No. 203/PHUMANITI/6711392.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Malik bin ‘Abd Allah al-Juwaini, 1997, *al-Burhan fi Usul al-Fiqh*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- ‘Abd al-Nasir Taufiq al-‘Atar, 1993, *Tatbiq al-Syari’ah al-Islamiyyah fi al-‘Alam al-Islami*, al-Qaherah: Dar al-Fadilah
- ‘Abd al-Razzaq ‘Ali, al-Anbari, 1987, *Mansib Qadi al-Qudah fi al-Dawlah al-‘Abbasiyyah*, Beirut: al-Dar al-‘Arabiyyah li al-Mawsu’ah
- ‘Ali Ahmad al-Nadwi, 2009, *al-Qawa’id al-Fiqhiyyah*,

- Dimasyq: Dar al-Qalam
- Abd al-Karim Zaidan, 2003, *al-Madkhal li Dirasah al-Syari'ah al-Islamiyyah*, Beirut: Muassasah al-Risalah
- Abu 'Abd Allah Muhammad al-Ansari al-Risa', 1993, *Syarh Hudud Ibn 'Urfah*, Beirut: Dar al-Gharb al-Islami
- Abu al-'Abbas Ahmad bin Ahmad, 1351H, *Nail al-Ibtihaj bi Tatriz al-Dibaj al-Madhhab fi Ma'rifah A'yan 'Ulama' al-Madhhab*, al-Qaherah: Matba'ah al-Ma'ahad
- Abu al-Fadl al-Qadi 'Iyyad bin Musa, 1983, *Tartib al-Madarik wa Taqrib al-Masalik*, al-Maghrib: Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah
- Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar bin Kathir, 1988, *al-Bidayah wa al-Nihayah*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi
- Abu al-Hasan 'Ali bin Muhammad al-Mawardi, 1986, *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, al-Kuwait: Maktabah Dar Ibn Qutaibah
- Abu al-Hasan al-Tusuli, 1998, *al-Buhjah Fi Syarh al-Tuhfah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Abu Dawud Sulaiman al-Sijistani, 2009, *Sunan Abu Dawud*, Dar al-Risalah al-'Ilmiyyah, tahqiq: Syu'ib al-Arnaut
- Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali, 1997, *al-Mustasfa fi 'Ilm al-Usul*, Beirut: Muassasah al-Risalah
- Abu Ishaq Ibrahim bin 'Ali al-Syirazi, 1985, *al-Luma' fi Usul al-Fiqh*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Abu Ishaq Ibrahim bin Musa al-Syatibi, 1997, *al-Muwafaqat*, Sa'udi: Dar Ibn 'Affan
- Abu Na'im Ahmad bin 'Abd Allah bin Mahran al-Asbahani, 1996, *Hilyah al-Auliya' wa Tabaqat al-Asfiya'*, Beirut: Dar al-Fikr
- Ahmad b. Muhammad al-Zarqa', 1995, *Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, Dimasyq: Dar al-Qalam
- Ahmad bin 'Abd al-Rahim bin al-Syahid, 2005, *Hujjah Allah al-Balighah*, Beirut: Dar al-Jil
- Ahmad bin 'Ali al-Manjur, t.t., *Syarh al-Manhaj al-Muntakhab*, Dar al-Syanqiti
- Ahmad bin Yahya, 1995, *al-Mi'yar al-Mu'rab wa al-Jami' al-Maghrib 'an Fatawa 'Ulama' Ifriqiyyah wa al-Andalus*, Beirut: Dar al-Gharb al-Islami
- Ahmad Hidayat Buang, *Memperkokuhkan Kredibiliti Institusi Fatwa Dalam Menghadapi Cabaran Semasa Di Malaysia*, kertas kerja dibentangkan di Seminar

- Isu-Isu Kefatwaan Kontemporari: “Fiqh Kontemporari Dalam Mendepani Realiti Semasa Masyarakat Malaysia”, Tarikh: 10 Mac 2016 (Khamis), 08:00pg – 05:00ptg, Tempat : Iais Malaysia
- Aiman Jibrin al-Ayubi, 2011, *Maqasid al-Syari’ah fi Takhsis al-Nas bi al-Maslahah wa Tatbiqatiha fi al-Fiqhi al-Islami*, Dar al-Nafa’is
- Ali al-Syeikh, *Ahkam al-Syari’ah baina al-Tatbiq wa al-Tadwin*, Majallah Adwa’ al-Syari’ah, bil. 4
- Al-Lajnah al-Daimah, *Tadwin al-Rajih*, Majallah al-Buhuth al-Islamiyyah, bil. 32
- Badru al-Din Muhammad bin Yahya al-Qurafi, 1983, *Tausyih al-Dibaj al-Madhhab fi Ma’rifah A’yan ‘Ulama’ al-Madhhab*, Beirut: Dar al-Gharb al-Islami
- Chua Yan Piaw, 2012, *Mastering Research Methods*, Selangor: Mc Graw-Hill
- Faisal Husein Ismail, 2011, “*Penggunaan Fiqh al-Maslahah wa al-Maqasid Dalam Fatwa Terpilih Negeri Perlis 1998-2008*”, (Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Bahagian Pengajian Islam, Fakulti Ilmu Kemanusiaan, USM.)
- Farid al-Ansari, 2010, *al-Mustalah al-Usuli ‘Inda al-Syatibi*, Qaherah: Dar al-Salam
- Halim El-Muhammady, 1992, “*Ikhtilaf And Its Development In Malaysia*”, dalam International Islamic University Law Journal, Vol. 2, No. 2
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, 1973, *I’lam al-Muwaqqi’in ‘an Rabb al-‘Alamin*, Beirut: Dar al-Jil
- Ibn Farhun Ibrahim bin ‘Ali, t.t., *al-Dibaj al-Madhhab fi Ma’rifah A’yan ‘Ulama’ al-Madhhab*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Ibrahim al-Laqqani, 1992, *Mannar Ahlu al-Fatwa wa Qawa’id al-Ifta’ bi al-aqwa*, Beirut: Dar al-Ahbab
- Idris al-Fasi al-Fahri, 2001, *Mafhum al-Ijma’ ‘inda al-Imam al-Syafi’i, Dirasah Mustalahiyyah*, Tesis Ijazah Doktor Falsafah
- Jamal al-Din al-Qasimi, 1406H, *al-Fatwa fi al-Islam*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Jasni bin Sulong, “*Pemikiran Epistemologi Ilmu ‘Abd Allah Ibn al-Muqaffa*” dalam Penyeragaman Undang-Undang: Pengaruhnya Di Malaysia,” *Afkar Edisi Khas* (2014): 97-130
- Jasni bin Sulong, *Wasiat Kepada Waris: Pembaharuan*

- Undang-Undang Dan Penggubalan di Selangor, Malaysia, Jurnal Syariah, 13:2 (2005), hlm. 62*
- Mahmood Zuhdi Haji Abd Majid, *Aplikasi Fiqh Kontemporari Dalam Menangani Persoalan Hukum Baru Kefatwaan*, kertas kerja dibentangkan di Seminar Isu-Isu Kefatwaan Kontemporari: “Fiqh Kontemporari Dalam Mendepani Realiti Semasa Masyarakat Malaysia”, Tarikh: 10 Mac 2016 (Khamis), 08:00pg – 05:00ptg, Tempat : Iais Malaysia
- Majallah Risalah al-Islam, Qaherah: Dar al-Qarib*
- Makhluf Muhammad, 1349H, *Shajarah al-Nur al-Zakiyyah fi Tabaqat al-Malikiyyah*, al-Qaherah: al-Matba’ah al-Salafiyyah
- Mazlee Malik, 2005, *Talfiq: Mengamal Pelbagai Mazhab*, Selangor: Karya Bestari
- Mohamed Azam bin Mohamed Adil, *Penyelarasan Fatwa di Malaysia: Isu dan Cabaran*, kertas kerja dibentangkan di Seminar Isu-Isu Kefatwaan Kontemporari: “Fiqh Kontemporari Dalam Mendepani Realiti Semasa Masyarakat Malaysia”, Tarikh: 10 Mac 2016 (Khamis), 08:00pg – 05:00ptg, Tempat : Iais Malaysia
- Muhammad Ahmad Shaqrun, 2002, *Mura’ah al-Khilaf ‘Inda al-Malikiyyah wa Atharuhu fi al-Furu’ al-Fiqhiyyah*, Dubai: Dar al-Buhuth li al-Dirasat al-Islamiyyah
- Muhammad al-Amin Salim bin al-Syeikh, 2002, *Mura’ah al-Khilaf fi al-Madhahib al-Maliki*, Dubai: Dar al-Buhuth li al-Dirasat al-Islamiyyah wa Ihya’ al-Turath
- Muhammad al-Dusuqi, t.t., *al-Ijtihad fi al-Fiqh al-Islami*, Qaherah: al-Majlis al-A’la li Syu’un al-Islamiyyah
- Muhammad Amin, Ibnu ‘Abidin, 1386H, *Raddu Al-Mukhtar ‘Ala Al-Durri Al-Mukhtar*, Beirut: Dar al-Fikr
- Muhammad bin ‘Ali bin Muhammad al-Syaukani, 1396H, *al-Qawl al-Mufid fi Adillah al-Ijtihad wa al-Taqlid*, al-Kuwait: Dar al-Qalam
- Muhammad bin ‘Ali bin Muhammad al-Syaukani, 1999, *Irsyad al-Fuhul ila Tahqiq al-Haq min ‘Ilm al-Usul*, Dar al-Kitab al-‘Arabi
- Muhammad bin Ahmad, 1908, *al-Bustan fi Dhikr al-Auliya’ wa al-‘Ulama’*, al-Jazair: al-Matba’ah al-Tha’alabiyyah
- Muhammad bin al-Hasan al-Hajawi al-Tha’alabi al-Fasi, 2012, *al-Fikr al-Sami fi Tarikh al-Fiqh al-Islami*,

- Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah
Muhammad Bin Isma’il Abu ‘Abd Allah Al-Bukhari, 1422H,
Sahih al-Bukhari, Jiddah: Dar Tauq al-Najah, Tahqiq:
Muhammad Zahir Bin Nasir al-Nasir
Muhammad bin Mukrim bin Manzur, t.t., *Lisan al-‘Arab*,
Beirut: Dar al-Sadir
Muhammad ibn Ahmad al-Qurtubi, t.t, *al-Jami’ li Ahkam al-
Qur’an*, Qaherah: al-Hai’ah al-Misriyyah al-‘Ammah
li al-Kitab
Muhammad Ikhlas Rosele, Luqman Hj Abdullah, Paizah
Hj Ismail, Mohd Anuar Ramli, “*Konflik Fatwa Di
Malaysia: Satu Kajian Awal*, Jurnal Fiqh, No. 10
(2013) 31-56
Muhammad Mustafa al-Muraghi, 2011, *al-Ijtihad fi al-Islam*,
Maktabah Kunuz al-Ma’rifah
Muhammad Zaki ‘Abd al-Barr 1986, *Taqnin al-Fiqh al-
Islami*, Qatar: Idarah Ihya’ al-Turath al-Islami
Mustafa Ahmad al-Zarqa’, 1999, *Fatawa*, Dimasyq: Dar al-
Qalam
Naemah Abd Rahman, 2003, “*Fatwa Jemaah Ulamak
Kelantan Tahun 1920an Hingga 1990an: Satu
Analisis*,” Tesis PhD Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi
Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 183-185.
Qutb al-Raisuni, 2014, *Sina’ah al-Fatwa fi al-Qadaya al-
Mu’asirah*, Beirut: Dar Ibn Hazm
Rahimin Affandi Abdul Rahim, “*Ke Arah Penyediaan
Kaedah Penyelidikan Hukum Islam Terkini: Satu
Pengenalan*,” Jurnal Syariah 10, no. 1 (2002): 5.
Saif al-Din Abu al-Hasan ‘Ali bin Muhammad al-Amidi,
2003, *Muntaha al-Sul fi ‘Ilm al-Usul*, Beirut: Dar al-
Kutub al-‘Ilmiyyah
Sayyid Muhammad Musa, t.t., *al-Ijtihad wa Mada Hajatuna
fi Haza al-‘Asr*, al-Qaherah: Dar al-Kutub al-Hadithah
Syam al-Din Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Ahmad
al-Zahabi, 1985, *Siyar A’lam al-Nubala’*, Beirut:
Muassasah al-Risalah
Syam al-Din Abu al-Khair Muhammad bin Muhammad al-
Sakhawi, t.t., *al-Dau’ al-Lami’ li Ahl al-Qarn al-Thani*,
Beirut: Dar Maktabah al-Hayah
Syawisy ‘Ali Hiza’ al-Muhamid, 2001, *Masirah al-Fiqh al-
Islami al-Mu’asir*, al-Urdun: Dar ‘Ammar
Taj al-Din al-Subki, 1991, *al-Asybah wa al-Nazair*, Beirut:

- Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah
Umar Jaddiyyah, 2010, *Asl I'tibar al-Maal baina al-Nazariyyah wa al-Tatbiq*, Beirut: Dar Ibn Hazm
Usamah Umar al-Asyqar, 2008, *Fauda al-Ifta'*, al-Urdun: Dar al-Nafais
Wahbah al-Zuhaili, 1985, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, Dimasq: Dar al-Fikr
Wahbah al-Zuhaili, 2014, *Juhud Taqnin al-Fiqh al-Islami*, Dimasq: Dar al-Fikr
Walid bin ‘Ali al-Husain, 2009, *I'tibar Ma'alat al-Af'al wa Atharuha al-Fiqhi*, al-Riyad: Dar al-Tadmuriyyah
Wan Abd. Rahman Khudzri Bin Wan Abdullah (2006), *“Analisis Penggunaan Kaedah Istinbat Dalam Penetapan Fatwa Di Malaysia: Kajian Di Jabatan-Jabatan Mufti Terpilih”*, (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Bahagian Pengajian Islam, Fakulti Ilmu Kemanusiaan, USM.)
Yaqut bin ‘Abd Allah al-Humawi, t.t., *Mu'jam al-Buldan*, Beirut: Dar al-Fikr
Yusof al-Qaradawi, 1996, *Fi Fiqh al-Aulawiyyat*, Qaherah: Maktabah Wahbah
Yusof al-Qaradawi, 2011, *Madkhal li Dirasah al-Syari'ah al-Islamiyyah*, al-Qaherah: Maktabah Wahbah
Yusuf al-Qaradawi, 1988, *al-Fatwa Bayna al-Indibat wa al-Tasayyub*, Kaherah: Dar al-Sahwah
Yusuf al-Qaradawi, 2004, *Sanggahan Salah Tafsiran Islam*, Terjemahan Oleh Abdul Rahman Rukaini, Kajang: Synergymate Sdn. Bhd

Temubual

- Abdul Jamil Bin Jaafar, Pegawai Istinbat Wilayah Persekutuan, Temubual pada 1/11/2015, Jam 9.30 Pagi, di Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Jabatan Perdana Menteri Tingkat 10, Menara Pusat Islam Jalan Perdana 50676 Kuala Lumpur
Aminuddin Bin Mohamad, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Fatwa, Jakim, Temubual pada 16/12/15, Jam 10 Pagi, di Blok D7 & D9, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519, W.P Putrajaya, Malaysia
Irwan Bin Mohd Subri, Pengarah Infad (Prof. Madya Dr.), Temubual Bersama pada 16/12/15, Jam 12 Tgh Hari, di

- Institut Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia
Universiti Sains Islam Malaysia Bandar Baru Nilai
71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
- Kamaruddin Bin Adam, Setiausaha Ahli Mesyuarat
Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak Dan Ketua Pegawai
Fatwa, Temubual pada 23/12/2015, Jam 11.00 Pagi,
di Jabatan Mufti Negeri Perak Tingkat 5, Kompleks
Islam, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000
Ipoh, Perak
- Mat Jais Bin Kamos, Setiausaha Ahli Mesyuarat
Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. Temubual pada
21/12/2015, Jam 10.00 Pagi, di Jabatan Mufti Selangor,
Tingkat 7 & 8, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris
Shah, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
- Mohamad Shukri Bin Mohamad, S. S. Dato' Mufti Negeri
Kelantan, Temubual pada /2/2016, Jam 10.00 Pagi, di
Kompleks Islam, Lundang, Jalan Sultan Yahya Petra,
15200, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia
- Mohd Haniff Bin Omar, Ketua Pegawai Hal Ehwal Islam
Bahagian Fatwa Pulau Pinang, Temubual pada
30/12/2015, Jam 9.30 Pagi, di Jabatan Mufti Negeri
Pulau Pinang Tingkat 48, Komtar, 10000 Pulau Pinang
- Wan Salim Bin Wan Mohd, Mufti Wilayah Persekutuan
(Y.Bhg. S.S. Dato' Dr. Haji). Temubual pada
30/12/2015, Jam 9.30 Pagi, di Jabatan Mufti Negeri
Pulau Pinang Tingkat 48, Komtar, 10000 Pulau Pinang
- Zulkifli Bin Mohamad, Mufti Wilayah Persekutuan (Datuk
Dr.). Temubual pada 1/11/2015, Jam 9.30 Pagi, di
Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Jabatan Perdana
Menteri Tingkat 10, Menara Pusat Islam Jalan Perdana
50676 Kuala Lumpur
- Zulkifly Bin Muda, Mufti Negeri Terengganu (Dato' Dr.
Haji). Temubual pada 24/2/2016, Jam 10.00 Pagi, di
Pusat Pentadbiran Islam Negeri, Kompleks Seri Iman,
Jalan Sultan Mohamad, 20676 Kuala Terengganu,
Terengganu, Malaysia

Laman Sesawang

<http://www.e-fatwa.gov.my/jawatankuasa-fatwa-majlis-kebangsaan-bagi-hal-ehwal-ugama-islam-malaysia>
(Diakses pada 1/4/2015)